

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan jawapan kepada persoalan kajian yang telah dikemukakan berkaitan dengan amalan pentaksiran di dalam bilik darjah yang dijalankan oleh peserta kajian semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi berjalan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, persoalan utama kajian ini adalah ingin mengetahui bagaimanakah peserta kajian mengamalkan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di dalam bilik darjah.

Bagi menjawab persoalan kajian ini, penyelidik telah meneliti konteks semulajadi daripada perspektif peserta kajian berkenaan dengan jenis atau mod amalan pentaksiran di dalam bilik darjah yang diamalkan oleh peserta kajian dan meninjau tujuan sebenar beliau menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebelum penyelidik membentangkan dapatan kajian ini, penyelidik terlebih dahulu akan membentangkan maklumat berkenaan dengan tempat kajian, peserta kajian dan bagaimana penganalisan data dibuat bagi menghasilkan dapatan kajian. Selepas itu, barulah laporan berkenaan dapatan kajian ini akan menyusul.

Tempat Kajian: SBPI Selangor

Tempat untuk kajian ini telah dipilih di sebuah tingkatan 1 di sebuah sekolah menengah. Sekolah menengah yang dipilih ini pertama sekali telah dipastikan terlebih dahulu menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi untuk tingkatan 1.

Sekolah menengah terpilih untuk kajian ini ialah merupakan sebuah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) di negeri Selangor yang baru dibuka pada tahun 2002. Oleh sebab terdapat beberapa buah SBPI yang dibuka serentak pada tahun 2002, maka penyelidik tidak perlu menjelaskan lokasi dari segi daerah dan kawasan mana sekolah ini berada. Hanya mencukupi disebut sebuah SBPI di negeri Selangor. Ini adalah bagi memenuhi kehendak etika penyelidikan pendidikan yang tidak membenarkan penyelidik mendedahkan identiti sebenar tempat kajian kepada awam. Bagi tujuan kajian ini, sekolah tempat kajian akan dinamakan sebagai SBPI Selangor.

Walaupun nama dan lokasi sekolah tempat kajian ini tidak dinyatakan di dalam laporan kajian ini, namun beberapa fakta berkenaan kemudahan, populasi guru dan pelajar serta maklumat lain yang berkaitan akan dihuraikan serba ringkas. Penyelidik juga ada menyediakan senario menggambarkan persekitaran sekolah melalui beberapa keping gambar foto yang disediakan oleh Ustaz Aziz (dipetik oleh penyelidik daripada salinan CD persembahan berkenaan SBPI Selangor). Gambaran ini boleh dilihat di dalam apendiks 7.

Secara umumnya, sekolah ini dilengkapi dengan sebuah bangunan pentadbiran, pejabat, bilik guru, bilik mesyuarat, 40 buah kelas, sebuah pusat sumber

yang lengkap berhawa dingin, 2 buah makmal komputer lengkap dengan 60 unit komputer, makmal-makmal sains, bengkel lukisan teknologi dan kejuruteraan, sebuah dewan besar, sebuah masjid yang memuatkan 800 jemaah, 4 blok asrama, sebuah dewan makan, 16 unit pangsapuri kakitangan dan 4 buah banglo kakitangan pentadbir. Persekitaran sekolah ini adalah meliputi kawasan seluas 40 hektar.

Semasa dibuka pada tahun 2002, sekolah ini hanya menerima pelajar tingkatan 1 seramai 147 orang. Pada tahun 2003, terdapat seramai 387 orang pelajar yang terdiri daripada 147 pelajar tingkatan 1, 120 pelajar tingkatan 2 dan 120 pelajar tingkatan 4.

Jumlah kakitangan guru adalah seramai 46 orang dan kakitangan sokongan seramai 5 orang tidak termasuk seorang pengetua, seorang Guru Penolong Kanan Akademik dan Pentadbiran dan seorang Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Kelas-kelas di sekolah ini telah dibahagikan kepada tingkatan 1 dan 4: Jannatul Firdaus, Jannatul Makwa, Jannatul Naim dan Jannatul Adni. Manakala bagi tingkatan 2 pula: Jannatul Firdaus, Jannatul Makwa, Jannatul Naim, Jannatul Adni dan Jannatul Khuldi.

Tingkatan 1 Jannatul Firdaus

Kelas yang dipilih untuk kajian ini ialah Tingkatan 1 Jannatul Firdaus yang mempunyai jumlah pelajar seramai 30 orang yang terdiri daripada 15 orang pelajar putera dan 15 orang pelajar puteri.

Kebiasaan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi untuk kelas ini dijalankan di dalam bilik makmal bahasa, di mana guru yang mengajar (peserta kajian) sentiasa menggunakan kemudahan komputer dengan perisian *power point* sebagai alat bantu pengajaran di samping buku teks, buku tulis, kamus, kertas edaran dan lain-lain bahan. Jika sekiranya tidak menggunakan kemudahan komputer, kelas akan dijalankan di dalam bilik darjah seperti biasa. Terdapat juga hari-hari tertentu di mana makmal bahasa digunakan sebagai bilik darjah walaupun guru tidak menggunakan perisian *power point* untuk mengajar. Ini bergantung kepada kekosongan bilik dan ia juga didorong oleh kerana keselesaan dan boleh menarik minat yang lebih kepada pelajar.

Suasana dalam Makmal Bahasa

Makmal bahasa terletak di tingkat 3 bangunan sekolah. Bersebelahan dengan makmal bahasa ini ada sebuah makmal komputer dan sebuah makmal bahasa yang satu lagi. Keadaan dalam bilik makmal bahasa tempat berlangsung pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi bagi Tingkatan 1 Jannatul Firdaus agak luas dan lapang. Ia dilengkapi penghawa dingin, kerusi *pvc* berwarna biru yang mempunyai tempat menulis, satu set komputer, pembesar suara, *lcd*, skrin putih dan papan putih.


Di bahagian belakangnya pula ada satu deret kabinet kayu yang bertutup, papan kenyataan yang tidak berisi apa-apa maklumat dan beberapa buah meja. Ada

12 tingkap cermin yang tidak berlangsir di sebelah kiri dan kanan bilik serta mempunyai 2 daun pintu di sisi sebelah kanan depan dan belakang.

Dari dalam bilik makmal bahasa itu, kelihatan pemandangan yang menarik di sebelah kiri bilik dengan panorama menghijau bukit yang dilitupi dengan pokok-pokok kelapa sawit muda yang menyegarkan. Tetapi di lereng dan di bahagian bawah bukit-bukit tersebut sudah dibersihkan dan kelihatan tanah merah serta beberapa buah jentolak sedang menolak tanah untuk dibangunkan menjadi sebuah pusat komersil di kawasan ini.

Keadaan bilik yang bertutup kemas dan berhawa dingin menyebabkan suasana tenang dan tiada bunyi lain kedengaran dari luar. Kedengaran hanya bunyi guru mengajar, perlakuan soal jawab pelajar, rakaman suara latar guru dan kesan bunyi daripada *power point* yang digunakan.

Kedudukan pelajar di dalam makmal bahasa adalah di dalam 5 barisan seperti berikut dalam rajah 4 berikut:



Rajah 5: Kedudukan pelajar dalam makmal bahasa semasa kelas Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1 Jannatul Firdaus.

Peserta Kajian: Ustazah Siti

Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta kajian yang dipilih untuk kajian ini ialah merupakan seorang ustazah, iaitu seorang guru perempuan yang mempunyai pengalaman mengajar selama dua belas tahun dalam bidang Bahasa Arab dan Pendidikan Islam. Di sekolah tempat kajian ini, beliau mengajar mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi untuk Tingkatan 1 Jannatul Firdaus. Selain kelas ini, peserta kajian ini juga turut mengajar kelas lain iaitu Tingkatan 1 Jannatul Adni dan Jannatul Makwa. Di samping mengajar, peserta kajian ini juga adalah merupakan seorang guru koperasi yang menyebabkan beliau sentiasa dihubungi oleh pelajar, pembekal barangan, pihak pentadbir dan sebagainya. Rutin tugas beliau setiap hari ialah mengeluarkan dan menyimpan wang untuk kegunaan koperasi, memastikan petugas koperasi, barangan, perjalanan keluar masuk duit dan sebagainya di samping tugas mengajar.

Peserta kajian ini berasal dari Pasir Mas, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal daripada darjah 1 hingga tingkatan 5 di Sekolah Agama Rakyat di kampung asalnya iaitu Kampung Siram. Kemudian meneruskan persekolahan di peringkat tingkatan 6 di Maahad Muhammadi, Kota Bharu sebelum menyambung pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia selama empat tahun dalam bidang Bahasa Arab dan Tamadun Islam. Selepas itu beliau sempat mengajar setahun dan

kemudian mengikuti Diploma Pendidikan sebelum memulakan profesyen sebagai guru terlatih buat kali pertama pada tahun 1991.

Dalam konteks kajian ini, peserta kajian telah membahaskan dirinya ‘Kak Siti’ (bukan panggilan sebenar). Panggilan ‘Kak’ di sini mengikut catatan refleksif penyelidik menunjukkan kesediaan peserta kajian untuk memberi kerjasama dan walaupun baru terlibat dalam menjalankan kajian ini, ianya dapat mengurangkan suasana terlalu formal seperti yang berlaku di sesetengah tempat lain di mana panggilannya dengan menggunakan ‘*Puan, Puan Hajah, Cikgu, Ustazah* dan sebagainya’. Perkara ini memang tidak disangka oleh penyelidik kerana pada peringkat awal kajian, penyelidik selalu membahaskan beliau ‘Ustazah’ dan kemudian beliau membahaskan dirinya ‘Kak Siti’. Selepas itu, penyelidik cuba membiasakan diri memanggilnya dengan panggilan ‘Kak Siti’.

Pengalaman Mengajar Peserta Kajian

Pengalaman mengajar peserta kajian bermula dengan penempatan pertama beliau di sebuah Sekolah Menengah Kerajaan Agama di Kuching, Sarawak. Mata pelajaran pertama yang diajar oleh beliau pada ketika itu ialah Bahasa dan Kesusasteraan Arab (*Tarikh Adab*) untuk tingkatan 6 bermula tahun 1991 sehingga tahun 1996, iaitu selama lima tahun.

Bulan Mac 1996 beliau berpindah balik ke Semenanjung Malaysia dan bertugas di SMK Raja Mahadi, Klang sehingga akhir tahun 1996. Pada ketika itu

beliau mengajar mata pelajaran Tasawwur Islam. Sekolah tersebut tidak menawarkan Bahasa Arab Komunikasi.

Bermula awal tahun 1997, beliau berpindah ke SMK Bukit Gading dan mengajar Bahasa Arab Komunikasi untuk tingkatan 1 selama dua tahun. Kemudian beliau diberi tugas mengajar Bahasa Arab Komunikasi untuk tingkatan 3 bermula tahun 1999 sehingga tahun 2001. Pencapaian pelajar dalam peperiksaan PMR bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi 100% lulus selama tiga tahun berturut-turut sejak diambil alih oleh beliau.

Pada tahun 2002, peserta kajian ini telah berpindah ke sekolah sekarang, iaitu SBPI Selangor yang merupakan sebuah sekolah berasrama penuh dan mengajar Bahasa Arab Komunikasi untuk tingkatan 1. Pengalaman beliau mengajar dan membimbing pelajar di sekolah lama masih segar di dalam ingatannya, masih diteruskan dan perkara ini dikesan oleh penyelidik melalui temu bual yang telah dilakukan bersama peserta kajian. Beliau telah menceritakan dengan penuh tumpuan pengalaman mengajar itu dan dalam masa yang sama penyelidik pada ketika itu baru selesai membuat pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh beliau. Beberapa kriteria cara pengajarannya menunjukkan ada persamaan dengan pengalaman lepas yang diceritakan oleh beliau.

Daripada pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa peserta kajian ini memang seorang yang peramah, mudah didampingi dan tidak ditakuti oleh pelajar. Tiada terdapat halangan perhubungan di antaranya dengan pelajar. Bukti pemerhatian juga, menunjukkan bagaimana aktiviti soal jawab, perbincangan dan bimbingan

dilakukan. Ia berlaku hasil daripada soalan-soalan peserta kajian yang dianggap sebagai bahan pentaksiran. Rentetan dengan itu, maka pembelajaran berlaku dan ia tidak terpisah daripada proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran secara keseluruhannya.

Penganalisan Data

Sebagaimana yang dinyatakan, analisis data untuk kajian ini dilakukan dalam dua peringkat iaitu analisis semasa pengutipan data dan analisis selepas proses pengutipan data.

Analisis semasa Mengutip Data

Analisis semasa pengutipan data berlaku sejak penyelidik menyediakan rangka temu bual, menyediakan rangka pemerhatian dan persiapan untuk membuat pemerhatian. Ia bermula sejak lawatan pertama penyelidik ke tempat kajian. Dengan cara ini penyelidik sentiasa mengaitkan suasana sebelum, semasa dan selepas pemerhatian atau temu bual dijalankan. Langkah ini dapat membantu mengekalkan kesinambungan proses pengutipan data yang sedang dilakukan. Penyelidik juga dapat merenung dan membuat kesimpulan terhadap setiap data yang diperolehi bagi tujuan membuat catatan refleksif.

Di sebabkan tabiat kajian kes ini adalah bersifat '*emergent*' yang mengharapakan penemuan baru melalui '*discovery*', maka persediaan yang dilakukan seperti itu adalah bersifat kontijensi sahaja. Penyelidik perlu membezakan di antara harapan penyelidik, teori yang sedia ada atau contoh di tempat lain dengan dapatan yang diperolehi secara '*grounded theory*' yang wujud secara '*embedded*', iaitu tertanam di dalam persekitaran tempat kajian serta maklumat yang datang daripada pendapat peserta kajian, iaitu perspektif '*emic*'.

Analisis semasa pengutipan juga berlaku semasa proses pemerhatian dijalankan, di mana penyelidik membaca, memerhati dan segera membuat catatan ringkas bagi setiap amalan yang diperhatikan. Ia bertujuan memudahkan penyelidik untuk mengemukakan persoalan semasa temu bual atau fokus semasa pemerhatian dibuat.

Pengurusan fail data dan sistem 'back-up' data

Selepas selesai sesuatu sesi pengutipan data dijalankan, biasanya penyelidik akan meneliti kembali catatan pemerhatian yang ditulis dengan tangan.

Kemudian proses pertama dimulakan dengan mengemaskini catatan, menaip ke dalam komputer dan menyimpannya di dalam satu fail yang berasingan. Fail-fail catatan seperti catatan pemerhatian, ringkasan pemerhatian, transkrip temu bual, ringkasan temu bual, ringkasan bahan bukti,

catatan refleksif dan catatan jurnal dikumpulkan di dalam satu *'folder'* khas yang menyimpan data-data yang telah dikutip dan disusun dengan kemas. Setiap kandungan fail ini akan dicetak dan disimpan di dalam bentuk *'hard copy'* bagi memudahkan penyelidik membaca secara berulang-ulang kali.

Sementara itu bagi kandungan fail di dalam simpanan komputer, penyelidik membuat tanda-tanda berwarna dengan menggunakan *'font color'* ataupun *'highlighter'* bagi frasa-frasa yang penting untuk memudahkan penyelidik membuat rujukan dengan cepat. Penyelidik menggunakan kemudahan yang disediakan di dalam perisian Microsoft Word untuk menyemak, mengulang baca, menyunting dan sebagainya secara manual. Setiap fail draf awal tidak dimusnahkan dengan cara *'overwrite'*, tetapi dibuat salinan kedua dengan menggunakan *'save as'* ke fail lain.

Dengan cara ini rekod asal yang belum dianalisis masih kekal tersimpan dalam bentuk fail dokumen di dalam *'folder'* khas. Penyelidik juga membuat dua salinan fail bagi setiap data yang dikumpulkan di dalam *'folder'* khas dan disimpan di dalam CD berasingan dengan menggunakan *'cd writer'*. Langkah ini diambil bagi memastikan satu sistem *'back-up'* untuk setiap data yang telah ditaip dan dimasukkan ke dalam komputer agar tidak mudah hilang atau rosak.

Analisis selepas Pengutipan Data

Analisis selepas proses pengutipan bermula dengan penyelidik mengumpulkan semua data yang diperolehi daripada pemerhatian, temu bual, lawatan dan segala bukti dokumen yang ada. Semasa peringkat ini, catatan refleksif, kod dan pemberian tema terhadap setiap amalan yang diperhatikan akan diteliti semuanya.

Penyelidik juga telah mengklasifikasikan tema kajian ini kepada beberapa mod amalan pentaksiran yang dilakukan oleh peserta kajian di dalam satu borang analisis mengikut beberapa kategori iaitu mengikut teknik-teknik pengutipan data yang telah dilakukan dan juga mengikut susunan masa bagi setiap pemerhatian yang telah dibuat. Kemudian penyelidik meringkaskan setiap satu amalan yang diperolehi kepada mod-mod yang lebih ringkas. Borang matriks digunakan untuk memaparkan setiap mod amalan pentaksiran yang dikenal pasti bagi memudahkan triangulasi data dibuat.

Triangulasi data

Hasil daripada proses yang dilakukan di atas, penyelidik mendapati terdapat amalan pentaksiran dalam bilik darjah yang dilakukan oleh peserta kajian dalam kes ini. Mod amalan pentaksiran yang diperolehi daripada ketiga-tiga teknik pengutipan data ini dapat diperlihatkan seperti berikut:

- Pengulangan dan diikuti dengan pentaksiran

- Pentaksiran dalam bilik darjah secara perbincangan dan soal jawab
- Pentaksiran secara lisan dan bertulis
- Pelbagai jenis pendekatan amalan pentaksiran
- Guru mentaksir kesalahan dan ketepatan jawapan pelajar
- Mentaksir kelemahan dan disusuli dengan bimbingan segera dan berterusan
- Memilih dan menyebut nama pelajar untuk tujuan pentaksiran
- Alat bantu mengajar membantu pentaksiran dalam kelas

Data terperinci berkenaan dengan mod amalan pentaksiran ini boleh dirujuk kepada borang matriks di dalam apendiks 6. Keseluruhan amalan ini juga telah dibandingkan secara bersama di dalam dua bentuk triangulasi.

Pertama ialah triangulasi sesama teknik di mana data daripada teknik pemerhatian 1, 2 dan 3 di bandingkan serentak. Kemudian dapatan ini diringkaskan dan dibuat kesimpulan.

Kedua ialah triangulasi antara teknik di mana data daripada teknik pemerhatian di bandingkan bersama dengan data daripada temu bual dan bukti dokumen. Kemudian ia diringkaskan dan disimpulkan kepada beberapa mod amalan pentaksiran yang dapat menghuraikan bagaimana amalan yang dilakukan oleh peserta kajian.

Dapatan Kajian:

Amalan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Setelah meneliti huraian berkenaan dengan tempat kajian, peserta kajian dan penganalisan data kajian; maka sekarang dapatan kajian berkenaan dengan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ini akan dibentangkan. Huraian berkenaan dengan dapatan kajian ini akan dibuat mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan.

Soalan kajian untuk kajian kes ini ialah: *“Bagaimanakah guru mengamalkan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di dalam bilik darjah?”*

Untuk menjawab soalan kajian tentang bagaimana amalan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, penyelidik perlu juga mengenal pasti apakah mod amalan dan jenis pentaksiran yang telah dijalankan serta apakah tujuan amalan pentaksiran yang telah dijalankan oleh peserta kajian (guru).

Hasil daripada penggunaan teknik pengutipan data secara kualitatif, penyelidik telah mendapati terdapat beberapa perkara yang dilakukan oleh peserta kajian berkenaan dengan bagaimana beliau menjalankan proses pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini telah dinyatakan di dalam setiap mod amalan yang dikenalpasti selepas penyelidik membuat analisis menggunakan borang matriks untuk tujuan triangulasi data.

Penyelidik akan membentangkan mod amalan pentaksiran berkenaan dan kemudian membuat kesimpulan bagi setiap mod. Tujuannya ialah untuk menunjukkan *bagaimana* peserta kajian mengamalkannya. Bersama-sama dengan pembentangan mod-mod amalan ini juga terdapat beberapa tujuan mengapa peserta kajian menjalankan sesuatu amalan pentaksiran tersebut.

Antara mod amalan pentaksiran yang diperhatikan wujud semasa peserta kajian menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dalam kes ini adalah meliputi perkara berikut:

Mod Amalan 1:

(Pengulangan dan diikuti dengan pentaksiran)

Berdasarkan pemerhatian penyelidik mendapati bahawa peserta kajian banyak kali menggunakan kaedah mengajar secara mengulang-ulang perkara yang diajar. Kemudian hasil daripada pengulangan itu, beliau menyoal secara rawak kepada pelajar dan mentaksir tahap kebolehan setiap pelajar.

Di antara contoh petikan daripada catatan pemerhatian berkenaan pengulangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh peserta kajian ialah:

Ustazah Siti mengulang-tayang beberapa kali slide yang memaparkan teks perbualan yang diikuti dengan rakaman audio suara yang melakukan perbualan itu. Bunyi bacaan agak jelas diselangi dengan kesan bunyi (sound effect) power point. Setiap kali dia menekan butang untuk ulangan, dia akan mengatakan 'sekali lagi... dengar betul-betul...' di dalam Bahasa Arab.

Beberapa kali lagi tayangan diulang sebagai contoh bacaan dan perbualan yang telah dirakamkan dengan teks bacaannya sekali. Keadaan pelajar semasa sesi ini berjalan, ada yang memerhati skrin putih, ada yang melihat ke arah buku teks dan ada yang menunjukkan sesuatu kepada rakan sebelah terhadap teks yang sedang dibaca.

Satu lagi contoh petikan daripada catatan pemerhatian berkenaan pengulangan yang disusuli dengan aktiviti pentaksiran ialah:

Selepas selesai beberapa kali ulang tayang, maka Ustazah Siti memanggil nama beberapa orang pelajar seperti Fuad, Asyraf, Razinatun untuk membacakan teks perbualan (hiwar). Pelajar berkenaan berdiri dan membacakan teks perbualan. Ustazah meminta pelajar meninggikan suara, meminta diulang dan diperjelaskan sebutan yang tidak lancar. Pelajar mengulang sebutan yang tidak jelas.

*Semasa pelajar membaca teks, Ustazah Siti ada menegur **kesalahan sebutan dan kesilapan makhraj beberapa kalimah**. Selepas selesai bacaan, Ustazah Siti mengucapkan terima kasih dan duduk (اجلس! - شكرا جزىلا)*

Di dalam temu bual juga peserta kajian menyatakan bahawa beliau membuat banyak kali pengulangan di dalam pengajaran dan kemudian mengemukakan soalan atau latihan membaca teks sebagai aktiviti pentaksiran. Dalam kajian ini juga, penyelidik mendapati peserta kajian membimbing dan terus membimbing sehingga pelajar itu dapat menguasai apa yang sedang diajar.

Di antara contoh petikan daripada ringkasan temu bual berkenaan pengulangan di susuli dengan pentaksiran yang dilakukan oleh peserta kajian ialah:

Membuat banyak kali pengulangan di dalam pengajaran dan kemudian mengemukakan soalan atau latihan membaca teks sebagai aktiviti pentaksiran.

Mentaksir kebolehan pelajar semasa proses P&P, mengesan pelajar yang cemerlang dan lemah, membimbing terus pelajar yang lemah secara berterusan sehingga berjaya meningkatkan diri.

Manakala berdasarkan bukti dokumen pula, peserta kajian mengulang tayang teks dan bacaan perbualan beberapa kali menggunakan *power point*. Kemudian beliau memberi latihan bacaan dengan menyuruh beberapa kumpulan pelajar. Ketika pelajar membaca teks perbualan, peserta kajian menegur kesilapan bacaan, sebutan, baris dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 1 ini menerangkan *bagaimana* peserta kajian mengendalikan pentaksiran semasa pengajaran dan pembelajaran, iaitu dengan menyediakan pelajar dengan maklumat yang jelas sebelum mentaksir kebolehan mereka. Melalui cara ini kesahan item yang ditanya termasuklah kemahiran yang ditaksir dapat dipastikan. Ini adalah merupakan jawapan pertama yang ditemui oleh penyelidik terhadap persoalan bagaimana guru (peserta kajian) menjalankan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.

Mod Amalan 2:

(Pentaksiran dalam bilik darjah secara perbincangan dan soal jawab)

Berdasarkan pemerhatian, penyelidik mendapati peserta kajian juga menggunakan pendekatan berbincang, memberi peluang kepada pelajar bercakap dan berbincang sesama rakan, mengemukakan soalan, memberi peluang untuk menjawab, membetulkan kesalahan dan memaklumkan kepada seluruh pelajar maklumat baru yang dipelajari daripada kesilapan pelajar. Perbincangan, soal jawab dan penerangan sama ada untuk seluruh kelas atau secara seorang demi seorang juga diamalkan oleh peserta kajian sebagai satu pendekatan pentaksiran untuk membantu pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah.

Di antara contoh petikan daripada catatan pemerhatian berkenaan perbincangan dan soal jawab dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh peserta kajian ialah:

Kemudian ustazah menyuruh pelajar membuka buku teks dan memberitahu muka surat 88 untuk membaca soalan dan bincang jawapan yang betul. Masa selama 10 minit diberikan untuk bincang. Ustazah meminta pelajar membaca soalan dan memberi jawapan seorang demi seorang. Soalan adalah berbentuk menyusun perkataan, memberi makna dan membuat ayat berkaitan teks bacaan. Ada soalan menggunakan kata tanya adakah (ya / tidak), kenapa, bila, bersama siapa, di mana, bagaimana, sebutkan... semuanya berkenaan solat berjemaah. Jawapan pelajar berbagai-bagai tahap – ada yang lengkap dan ada yang tidak lengkap. Ustazah menerima jawapan walaupun hanya ada isi walaupun sedikit..

Kelihatan pelajar menjawab bersama-sama dan saling berbincang antara satu sama lain. Walaubagaimana pun keadaan di dalam kelas tidaklah bising dan terkawal.

Ada juga terdapat pelajar yang mengangkat tangan dan bertanya sesuatu kepada ustazah. Ustazah mendekati pelajar berkenaan dan menerangkan sesuatu.

Manakala di dalam temu bual pula penyelidik mendapati bahawa peserta kajian bersetuju amalan pentaksiran yang dilakukan di dalam bilik darjah seperti perbincangan dan soal jawab lebih banyak membantu pelajar mencapai kecemerlangan di dalam peperiksaan.

Di antara contoh petikan daripada temu bual bersama peserta kajian berkenaan perbincangan dan soal jawab dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan ialah:

Apabila ditanya berkenaan soal jawab, perbincangan atau kuiz yang dijalankan di dalam kelas berbanding dengan ujian mingguan atau bulanan ...

Peserta kajian menjawab: "Paling membantu...? Yang... ujian... yang apa ni.... Kita buat dalam kelas tu lah... haa... yang tu... boleh membantu... yang tu membantu untuk dia cemerlang dalam... apa tu... peperiksaan pertengahan tahun... ke apa tu... kelas akak pegang... tiga kelas tu... tak de lah 'fail' semua lulus lah... tiga-tiga kelas tu...

Ini disokong oleh bukti dokumen yang menyatakan dengan jelas di dalam buku rekod pengajaran peserta kajian iaitu aktiviti perbincangan makna perkataan dan menjawab soalan di dalam kelas.

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 2 ini menjelaskan *bagaimana* peserta kajian mentaksir pelajar melalui aktiviti perbincangan dan soal jawab. Tahap kebolehan pelajar ditaksir setelah pelajar diberi peluang berbincang, menyemak kamus, buku dan mengemukakan soal jawab kepada guru. Kemudian selepas itu peserta kajian mengemukakan soalan yang berkenaan. Melalui cara ini, maklumat berkenaan pencapaian pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dikenal pasti oleh peserta kajian. Walau bagaimanapun tiada sebarang bentuk pelaporan untuk mencatatkan tahap penguasaan pelajar dilakukan. Dalam kajian ini, penyelidik mendapati peserta kajian dapat mengesan keupayaan pelajar melalui soal jawab di mana pelajar yang mampu menjawab dengan tepat dan cepat dianggap menguasai pelajaran.

Mod Amalan 3:

(Pentaksiran secara lisan dan bertulis)

Berdasarkan kepada pemerhatian, penyelidik mendapati peserta kajian banyak menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan, iaitu melalui soal jawab, pembetulan secara lisan serta bertulis, menulis sama ada di dalam kertas edaran, buku latihan atau di papan putih di hadapan kelas.

Manakala semasa ditemu bual, peserta kajian menjelaskan bahawa beliau mentaksir tahap penguasaan pelajar melalui reaksi pelajar apabila disoal di dalam kelas secara lisan. Menurutnya ia lebih cepat, mudah

diuruskan dan kebanyakannya diselesaikan di dalam bilik darjah. Begitu juga dengan latihan bertulis yang diberikan dan bimbingan untuk menjawab secara bertulis. Peserta kajian juga memberitahu bahawa pentaksiran secara bertulis lebih baik lagi kerana pelajar dapat melihat kesalahan jawapan dan boleh merujuk kemudian. Ia lebih baik dan lebih membantu pelajar. Kedua-dua teknik ini digunakan berterusan oleh peserta kajian sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Bukti dokumen menunjukkan bahan-bahan untuk latihan bacaan, sebutan dan bertulis untuk berbagai aktiviti disediakan seperti: mengisi tempat kosong, menyusun perkataan, memberi makna perkataan dan perkataan berlawanan serta beberapa aktiviti yang dimuatkan di dalam buku teks, bahan edaran atau paparan di skrin. Ianya dikendalikan secara lisan, soal jawab dan juga bertulis di dalam kelas.

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 3 ini menghuraikan *bagaimana* peserta kajian menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah dengan banyak menggunakan kaedah pentaksiran secara lisan dan bertulis secara bersilih ganti. Soalan yang dikemukakan kepada pelajar adalah di dalam Bahasa Arab. Jika pelajar tidak faham arahan soalan, peserta kajian akan menghuraikan dan kadang-kadang menterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Pelajar dibiarkan berbincang, melihat kamus dan bertanya. Kaedah pentaksiran secara lisan ini melibatkan soalan daripada guru (peserta kajian) kepada pelajar dan juga kadang-kadang

soalan daripada pelajar kepada guru. Pelajar di dalam kelas ini juga didapati sentiasa mengangkat tangan untuk bertanya dan ada juga yang pergi mendapatkan guru untuk bertanya sesuatu seolah-olah tiada halangan perhubungan antara guru dan pelajar. Jawapan pelajar juga dibuat secara lisan dan guru menerima jawapan pelajar walaupun ada sebahagiannya yang kurang tepat. Manakala secara bertulis, pelajar menjawab sama ada di dalam buku tulis, kertas edaran dan juga di papan putih. Guru sentiasa menegur, membetulkan, bertanya, meminta penjelasan dan menjelaskan jawapan kepada pelajar sebagai respons kepada kerja pelajar di dalam bilik darjah.

Berbanding dengan kaedah lain, soal jawab secara lisan dan bertulis adalah amalan pentaksiran di dalam bilik darjah yang paling kerap digunakan. Menurut peserta kajian, ia mudah ditadbir serta membantu mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan dan membantu pelajar untuk meningkat di dalam peperiksaan pertengahan tahun.

Mod Amalan 4:

(Pelbagai jenis pendekatan amalan pentaksiran)

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, penyelidik mendapati peserta kajian mempelbagaikan aktiviti pentaksiran melalui berbagai jenis dan bahagian soalan seperti memberi makna perkataan, perkataan berlawanan, menyusun perkataan, membuat ayat dan menulis angka dengan perkataan.

Dalam temu bual, peserta kajian menjelaskan pendekatan berbeza digunakan semasa menyoal pelajar yang berbeza tahap penguasaannya. Aras soalan ditukar dan penerangan dibuat ke arah membantu pembelajaran pelajar.

Bukti dokumen juga menunjukkan berbagai jenis soalan dan pendekatan ditanya berdasarkan edaran, paparan *slide* dan buku teks. Walaupun teks bacaan yang sama ditayang, tetapi soalan kefahaman dan nahu dipelbagaikan.

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 4 ini menjelaskan *bagaimana* peserta kajian menjalankan amalan pentaksiran di dalam bilik darjah dengan mempelbagaikan bentuk dan jenis soalan yang dikemukakan. Ia disesuaikan mengikut tahap penguasaan pelajar. Ini juga dijelaskan oleh beliau, di mana soalan untuk pelajar biasa berbeza dengan soalan untuk 2 orang pelajarnya yang agak lemah semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Keadaan ini menunjukkan peserta kajian turut mentaksir kebolehan pelajar sebelum mengeluarkan item untuk pentaksiran seterusnya dan ia berlaku banyak secara lisan di dalam bilik darjah. Hasil pentaksiran semasa mengemukakan soalan juga, peserta kajian berjaya mengesan seorang pelajar lelaki yang lemah dan hampir putus asa untuk meneruskan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Tetapi hasil pentaksiran, pengesanan, motivasi dan pemulihan segera mampu mempertingkatkan pencapaiannya.

Mod Amalan 5:

(Guru mentaksir kesalahan dan ketepatan jawapan pelajar)

Secara pemerhatian, penyelidik mendapati pentaksiran dilakukan oleh peserta kajian dengan meneliti ketepatan, kefasihan dan kelancaran bacaan serta sebutan pelajar, ketepatan tulisan dan ejaan, antonasi, baris bacaan dan kesilapan semasa menjawab soalan kefahaman.

Manakala melalui temu bual, perkara ini turut dijelaskan secara lisan oleh peserta kajian iaitu terdapat berbagai bentuk kesalahan di dalam aspek bahasa dan sebagainya dikesan olehnya melalui aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah.

Sebagai contohnya, apabila ditanya bagaimana beliau membetulkan dan mentaksir pelajar, peserta kajian menjawab:

*Dari sudut ni, lah... susunan-susunan ayat tu... macam 'fi'il, fa'il..., jumlah fi'liyah, ismiyah'... macam tu aje lah, lepas tu alif lam, tak da alif lam... haa... biasa tulah kesalahan dia orang...
Sebutan-sebutan... betulkan juga... ada juga sebutan-sebutan... sebab dia orang... bukan semua datang tu dari sekolah agama... ada ramai tu... yang tak sekolah agama...
Bulan pertama tu, memang bimbing, memang bagi tahu, terjemah kat dia, bagi sebiji-sebiji kat dia... tapi... kesan dia... tengok budak... teruk lah, sebab tu Kak Siti ubah pada biar dia tengok kamus... dia cari kamus sendiri.*

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 5 ini menerangkan *bagaimana* peserta kajian mengendalikan aktiviti

pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dengan mentaksir berbagai bentuk kesalahan bahasa pelajar dan menjelaskan jawapan yang betul. Pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran ini menjadi sebahagian daripada bimbingan berterusan dan berlaku serentak di dalam bilik darjah. Selain daripada kesalahan jawapan; kemahiran dan kompetensi pelajar di dalam bertutur, membaca, menulis dan menjawab juga turut ditekankan bersama. Penyelidik juga mendapati bahawa peserta kajian (guru) turut berkongsi maklumat dengan pelajar berkenaan dengan bagaimana peraturan pemarkahan dibuat, misalnya $\frac{1}{2}$ markah dipotong atau sebagainya diberikan berdasarkan kepada jawapan yang diberikan.

Mod Amalan 6:

(Mentaksir kelemahan dan disusuli bimbingan segera dan berterusan)

Berdasarkan pemerhatian, penyelidik mendapati peserta kajian sentiasa bergerak dari seorang pelajar ke seorang pelajar apabila ditanya oleh para pelajar. Peserta kajian menerangkan, menulis lakaran dan kadang-kadang menggayakan sesuatu kepada pelajar.

Manakala melalui temu bual pula, peserta kajian menjelaskan bahawa amalan pentaksiran dan bimbingan berterusan yang membantu pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah sekaligus mampu meningkatkan pencapaian di dalam peperiksaan. Beliau turut menjelaskan pelajar perlu mendapat

sekurang-kurangnya 80% markah paling minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Sebagai contohnya apabila ditanya berkenaan bagaimana beliau mentaksir atau menilai pelajar dan bimbingan dilakukan, maka peserta kajian (guru) menjelaskan:

Aa.. aa.., tapi kebiasaannya kalau kelas Makwa tu, akak tengok budak yang paling lemah sekali akak soal... Aaa... budak paling lemah tu.. jadi mangsa... kata minta maaf lah... (mentaksir pelajar)

Kelas ni sebab dia semua dia punya pencapaian dia... orang kata lebih kurang... aaa... lebih kurang... pencapaian dia... macam Makwa tu dia ada budak yang lemah dua, tiga orang... macam satu kelas Adni tu... lagi ramai yang lemah... kelas tu... jadi... apa tu... cara pendekatan tu lain... kena sorang, sorang... (bimbingan) lambat sikit dia... proses dia... untuk kelas dia...

...tapi seorang budak tu... nama Fauzi... dia markah dia teruk sangat mula-mula dia masuk... sampai dia rasa macam nak kecewa dah lah... (mentaksir pelajar) saya kata tak pe... tak pe... duduk... ustazah... ustazah akan bimbing... (bimbingan segera) sampai periksa baru ni dia orang dapat 90 lebih... dia naik... naik..."

...Bulan pertama tu, memang bimbing, memang bagi tahu, terjemah kat dia, bagi sebiji-sebiji kat dia... tapi... kesan dia... tengok budak... teruk lah, sebab tu Kak Siti ubah pula biar dia tengok kamus... dia cari kamus sendiri... (bimbingan berterusan).

Komunikasi... seorang, sorang akak bagi latihan kat dia... sebab dia sikit kan, dia sikit... lepas tu akak semak tu sorang, sorang... macam dia salah apa... cerita dia ni salah ni, ni salah ni, salah ni... karangan... macam tu lah, sorang, sorang, sorang, sorang... pas tu, pengetua pun dia masuklah tengok macam mana ustazah ni mengajar... aaa... dia kata, ooo... patullah dia kata budak boleh... (bimbingan berterusan)

Aaaa... berdamping dengan pelajar sorang sorang...(bimbingan)

Selain daripada pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, bimbingan kelas tambahan, pelbagai kaedah pentaksiran, latihan tubi soalan format PMR, menumpukan seorang demi seorang sehingga mampu mencapai tahap yang disasarkan juga turut dilakukan oleh peserta kajian.

Dalam temu bual berasingan dengan enam orang pelajar yang mengikuti kelas peserta kajian juga, penyelidik mendapati bahawa pelajar-pelajar berkenaan sudah biasa dengan cara peserta kajian (guru) mengajar. Kata mereka bahawa Ustazah Siti memang membimbing satu persatu. Soalan-soalan yang ditanya di dalam kelas ditujukan kepada semua pelajar dan jika pelajar tidak faham, maka beliau akan menghuraikan dan menjelaskan sehingga mereka dapat menguasai sesuatu.

Menurut pelajar-pelajar berkenaan juga, mereka banyak belajar melalui pembetulan dan kesilapan yang dilakukan oleh rakan-rakan mereka semasa menjawab dan perbincangan di dalam kelas. Ini berikutan daripada pembetulan, penerangan dan bimbingan yang dibuat oleh Ustazah Siti.

Sebagai kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa mod amalan 6 ini menjelaskan *bagaimana* peserta kajian menjalankan pentaksiran di dalam bilik darjah dengan cara mentaksir kelemahan dan kekuatan pelajar yang kemudiannya disusuli dengan bimbingan yang berterusan. Kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian (guru) mentaksir kebolehan pelajar

semasa proses pengajaran dan pembelajaran, mengesan pelajar yang cemerlang dan lemah, membimbing terus pelajar yang lemah secara berterusan sehingga berjaya meningkatkan diri mengikut piawai yang telah ditetapkan.

Mod Amalan 7:

(Memilih dan menyebut nama pelajar untuk tujuan pentaksiran)

Berdasarkan pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa peserta kajian menggunakan kaedah pembacaan beramai-ramai dan kemudian memilih beberapa orang untuk ditaksir secara khusus. Nama pelajar disebut oleh guru dan pelajar menjawab soalan yang dikemukakan.

Di antara contoh petikan catatan pemerhatian berkenaan bagaimana guru menyebut dan memanggil nama pelajar semasa mentaksir ialah:

Selepas selesai beberapa kali ulang tayang, maka Ustazah Siti memanggil nama beberapa orang pelajar seperti Fuad, Asyraf, Razinatun untuk membacakan teks perbualan (hiwar). Pelajar berkenaan berdiri dan membacakan teks perbualan. Ustazah meminta pelajar meninggikan suara, meminta diulang dan diperjelaskan sebutan yang tidak lancar. Pelajar mengulang sebutan yang tidak jelas.

Setiap orang nama disebut dan disuruh oleh Ustazah Siti untuk membaca. Semasa pelajar membaca, ustazah berdiri di tepi kelas dan setiap kali bacaan dibuat, ustazah segera membetulkan kesilapan bacaan sama ada baris, mad, sebutan dan antonasi.

Melalui temu bual, penyelidik mendapati peserta kajian ada menyatakan bahawa beliau mengingati nama pelajar dan menyebut nama semasa meminta mereka menjawab soalan. Beliau juga berpendapat bahawa pendekatan memilih pelajar ini juga digunakan terhadap pelajar yang dikesan paling lemah untuk ditunjukkan dengan soalan lisan semasa pengajaran.

Sebagai contoh kenyataan verbatim yang dinyatakan oleh peserta kajian semasa ditanya berkenaan kemampuan beliau mengingati nama pelajar ialah:

Memang ingat nama... insya Allah lah... ingat nama... Cuma 1 Adni (Tingkatan 1 Adni, kelas lain) tu... sebab, budak-budak dia jenis diam sikitkan, jadi... dia... nama tak berapa ingat juga... budak-budak lelaki... budak-budak perempuan ramai ingat lah... Tapi kalau dua kelas... Firdaus dengan Makwa (Tingkatan 1 Jannatul Firdaus dan Tingkatan 1 Jannatul Makwa) tu... memang ingatlah nama-nama dia orang tu.

Bila ditanya bagaimana beliau membuat pilihan, peserta kajian menjawab:

Secara rawak aje... Sebab kalau boleh nak semua terlibat... aaa... Ada juga yang seorang dua yang tak ingat nama tu... miss jugak... (tergelak).

Apabila penyelidik bertanya peserta kajian mengapa dan apakah tujuan beliau melakukan teknik seperti ini, maka beliau menjawab:

Nak dapat kesan... kita tahu... pelajar yang pandai ni... dia bila kita soal tu... dia angkat tangan... macam kita tidak sebut nama sapa... sapa dak...kita tanya muradifat ni... perkataan ni... dia angkat tangan... angkat tangan... banyak kali angkat tangan... murid tu pandai tu... pandai tu... aaa...(mentaksir kebolehan

pelajar) Kita boleh kenal tu sapa... macam... Razinatun memang budak pandai, memang... Asyraf, Fuad... aaa... Najib... tapi seorang budak tu... nama Fauzi... dia markah dia teruk sangat mula-mula dia masuk... sampai dia rasa macam nak kecewa dah lah... saya kata tak pe... tak pe... duduk... ustazah... ustazah akan bimbing... sampai periksa baru ni dia orang dapat 90 lebih... dia naik... naik...

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 7 ini menghuraikan satu lagi cara *bagaimana* peserta kajian menjalankan pentaksiran di dalam bilik darjah iaitu dengan menyebut nama pelajar seorang demi seorang dan kemudian mengemukakan soalan. Pentaksiran di dalam bilik darjah perlu kemahiran guru mengingat nama pelajar untuk mendapat kesan yang lebih baik. Dengan cara ini bimbingan akan menjadi lebih mesra dan mengurangkan jarak antara pelajar dengan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam masa yang sama peserta kajian dapat mentaksir kemampuan pelajar apabila beliau mengemukakan soalan kepada kelas melalui respons pelajar yang segera mengangkat tangan untuk menjawab. Baginya pelajar yang berebut untuk menjawab itu menunjukkan mereka telah mencapai sasaran pembelajaran yang diharapkan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan dalam kes ini, apabila pelajar disebut nama dan disoal, maka guru boleh merancang dan memastikan hampir semua pelajar akan ditaksir bersama. Jika sekiranya tidak sempat untuk mengemukakan soalan kepada semua pelajar, maka soalan berbentuk terbuka

yang memberi peluang kepada pelajar untuk menjawab dengan mengangkat tangan. Dari sini, maka guru boleh membuat pentaksiran sama ada topik yang diajar sudah dikuasai oleh pelajar atau tidak.

Mod Amalan 8:

(Penggunaan alat bantu mengajar membantu pentaksiran dalam kelas)

Melalui pemerhatian, penyelidik mendapati peserta kajian menggunakan buku teks, bahan paparan power point dan soalan edaran bercetak sebagai bahan bantuan untuk mengajar dan mentaksir. Soalan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran pula adalah bertumpu kepada topik yang diajar.

Manakala melalui temu bual, peserta kajian menyatakan bahawa penggunaan power point dan bahan bantu mengajar boleh menarik minat pelajar. Kalau tidak pelajar cepat mengantuk. Di samping itu, menurut beliau keselesaan bilik makmal bahasa yang sunyi dan berhawa dingin juga turut membantu pembelajaran pelajar.

Di dalam buku rekod pengajaran juga dicatatkan penggunaan bahan bantu mengajar dengan jelas sebagai sokongan bukti dokumen. Penyelidik juga turut membuat salinan bahan-bahan edaran dan halaman daripada buku teks sebagai bahan bukti dokumen.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mod amalan 8 ini menjelaskan tentang *bagaimana* peserta kajian menggunakan alat

bantu mengajar seperti paparan *power point*, buku teks, kertas edaran untuk menjalankan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pengajarannya diselang selikan dengan soalan yang dikemukakan kepada pelajar. Dengan menggunakan beberapa bahan seperti ini, peserta kajian mengajar dan mentaksir pelajar melalui soalan yang dijawab secara lisan dan juga bertulis.

Masalah dalam Pentaksiran semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Selain daripada mod amalan yang diperhatikan, kajian ini juga turut mencatatkan beberapa masalah dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh peserta kajian dalam mengendalikan pentaksiran di dalam proses pengajarannya.

Walaupun data menunjukkan terdapat beberapa ciri pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui mod amalan yang dipaparkan, namun terdapat juga beberapa masalah berkaitan pentaksiran yang dikesan oleh penyelidik seperti berikut:

- (1) Piawai yang ditetapkan oleh pihak sekolah berasrama penuh iaitu mesti memastikan tahap kelulusan pelajar yang mendapat pangkat 'A' ialah mesti mencapai sekurang-kurangnya 80%. Keadaan ini dinyatakan sendiri oleh peserta kajian semasa sesi temu bual dengan penyelidik:

*Kita buat dalam kelas tu lah... haa... yang tu...
boleh membantu... yang tu membantu untuk dia*

cemerlang dalam... apa tu... peperiksaan pertengahan tahun... ke apa tu... kelas akak pegang.... tiga kelas tu... tak de lah 'fail' semua lulus lah... tiga-tiga kelas tu... Cuma... 'A' lah... 'A' keseluruhan campur empat kelas, satu kelas tu Ustazah Hanisah ajar... 60 berapa peratus... 61 lebih lah... 'A'. Tapi SBP ni... dia nak 80%... sekurang-kurangnya 80%... belum tercapailah tahap 80% tu... Cuma satu kelas... kelas Firdaus tu... 80.5% punya 'A', pelajar 'A'... lepas tu 'D' tak ada... 'C' ada...

...siang malam, siang malam... Malam ni... katakan, malam Selasa... akak buat kelas... untuk... Makwa (Tingkatan 1 Jannatul Makwa), malam Rabu... kelas untuk Firdaus... malam Khamis... kelas untuk Adni... tiga kelas dah tu... lepas tu satu kelas lagi tu... kelas pemulihan tu... empat malam lah... empat malam... empat malam...

- (2) Tempoh masa untuk menamatkan semua sukatan pelajaran pada bulan Julai bagi memastikan persediaan untuk peperiksaan akhir tahun atau peperiksaan awam yang berbentuk sumatif. Ini menyebabkan kelas tambahan perlu diwujudkan pada waktu petang atau malam. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah semata-mata adalah tidak mencukupi. Keadaan ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada peserta kajian. Semasa ditanya oleh penyelidik berkenaan tekanan dan cabaran dalam menamatkan sukatan pelajaran ini, beliau menjawab:

Memang aaa... tu yang tekanan tu. Sebab silibus nak habis cepat... kita nak pelajar tu betul-betul mahir... dia sepatutnya silibus habis

bulan tujuh... akak baru habis... baru ni, baru tu... akhir bulan baru ni... baru habis... haa memang kita mengejar silibus... siang malam, siang malam... Malam ni... katakan, malam Selasa... akak buat kelas... untuk... Makwa (Tingkatan 1 Jannatul Makwa), malam Rabu... kelas untuk Firdaus... malam Khamis... kelas untuk Adni... tiga kelas dah tu... lepas tu satu kelas lagi tu... kelas pemulihan tu... empat malam lah... empat malam... empat malam...

*Aaaa... kelas malam tu boleh menampung... boleh menampung... kalau tak buat kelas tambahan malam... kelas petang... memang... tak dan... kalau ikut SBP (Sekolah Berasrama Penuh)... **bulan tujuh tu semua subjek kena habis dah silibus... sebab dia... lepas tu ulangkaji... lepas ulangkaji... budak periksa... macam bulan sepuluh... lepas budak periksa... kena masuk silibus tingkatan dua dah... kena mengajar silibus tingkatan dua... payah sikit kat SBP macam tu lah...***

- (3) Tekanan yang terpaksa dihadapi oleh guru dan pelajar bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun perkara ini telah menjadi kebiasaan peserta kajian dan seolah-olah sebatu dengan hidupnya. Ini menyebabkan beliau sanggup berkorban dan bersedia menghadapi cabaran. Menurutnya tekanan yang dihadapi ini sudah menjadi kebiasaan dan sedia dihadapi:

Waktu malam... kelas tambahan tu lah... akak pilih daripada tiga kelas yang akak ajar tingkatan satu, akak buat kelas tambahan campur yang lemah tu... buat kelas tambahan... macam tu je lah... tapi ketua panitia tak tahu pun... akak tak beri tahu pun...

Ketua panitia tak tahu (tegas suara dan tergelak)... akak tak bagi tahu pun, aaa... Cuma

pentadbir tahu lah... Kadang-kadang datang... anak tinggal rumah HEM tu (kuarters guru PK HEM sekolah). Tiga-tiga beradik tu...

*Ya... campur semua kelas... tiga kelas tu... ada 12 orang tu... aaa... campur semua bawak ke sini... malam... pukul sembilan ... pukul sepuluh setengah... atau pun pukul sebelas... maknanya malam tu... puu... puuu... **Sampai baru ni demam tak boleh bangun... (gelak)... Penatlah...***

- (4) Penumpuan dan latihan kepada komunikasi dan bertutur tidak dapat dibuat dengan baik kerana lebih banyak masa diperuntukkan ke arah menamatkan sukatan dan melatih pelajar menjawab soalan untuk menduduki peperiksaan. Menurutny ada masalah untuk pelajar berkomunikasi:

Cuma kita tu lah... kita pun tak banyak juga perbendaharaan kata, macam... macam orang luar negeri lain lah... dia banyak ni... kan...? Bakat bercakap Bahasa Arab... kita ni... sebab kat sini... bukan guna banyak sangat... Cuma tahu macam tu je lah... mudah, mudah... senang, senang...

Bercakap Arab (komunikasi – bertutur) tak berapa juga laa... tak... boleh sikit-sikit aje... cakap Arab... sebab dia banyak kepada menjawab soalan... banyak menjawab soalan dengan... membaca lah... membaca...

Latihan untuk bertutur (berkomunikasi) dalam Bahasa Arab hanya akan dibuat secara bersungguh-sungguh di akhir tahun selepas pelajar selesai menduduki semua peperiksaan kerana penumpuan lebih semasa sesi pengajaran dan pembelajaran ke arah menamatkan sukatan dan

mencapai piawai pencapaian di dalam peperiksaan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan unit berasrama penuh. Menurutnya pengajaran untuk bertutur akan ditumpukan di akhir tahun:

Ya.. lah... akak ingat... bila dah habis silibus ni... dah habis periksa... bulan sepuluh ni... periksa enam haribulan... akak nak ajar dia bercakap lah... nak beli... kalau ustaz ada... cd ke... atau tape-tape... perbualan Bahasa Arab... boleh lah... bagi akak... jual kat akak ke... sebab akak nak ajar dia bercakap... pulak... itu memang nak tumpu betul-betul cakap... Akak pun memang nak belajar sama... kita ajar dia... kita dapat... kalau ustaz ada apa-apa yang ustaz buat ke... boleh lah..

- (5) Terdapat gangguan semasa mengajar seperti guru lain datang meminta peralatan komputer. Kadang-kadang ada panggilan telefon, pembekal barang dan sebagainya berkenaan koperasi yang menyebabkan gangguan kepada pengajaran.

Dari segi gangguan tu ada laa... macam tengah-tengah mengajar... ada orang datang nak... apa...? Mintak kunci bilik makmal... nak ambik... ohp... nak ambik apa tu... projektor apa... lepas tu koperasi datang... telefon turun... turuun... maknanya masa mengajar tu terganggu... memang terganggu...

Keadaan yang Membantu Amalan Pentaksiran

Walaupun terdapat masalah, cabaran dan tekanan yang dihadapi bagi menjalankan amalan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di

sekolah ini, namun terdapat beberapa kemudahan, keadaan dan faktor lain yang turut membantu seperti berikut:

- (1) Kemudahan dan kelengkapan belajar yang baik dan mencukupi mempermudah kerja guru di samping menarik minat belajar pelajar.
- (2) Faktor latar belakang pelajar yang terpilih, pandai, berdisiplin dan mempunyai kesungguhan untuk belajar telah mengeneipkan masalah yang ada. Jumlah pelajar juga tidak ramai yang memudahkan kawalan kelas. Masalah disiplin pelajar juga tidak disebut oleh peserta kajian dan hampir semua pelajar yang berkelulusan 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) amat berminat untuk belajar.
- (3) Pelajar juga tinggal di dalam persekitaran sekolah iaitu sama ada di dalam bilik darjah atau asrama sepanjang masa memudahkan mereka dihubungi untuk bimbingan yang berterusan.
- (3) Waktu mengajar guru juga adalah kurang berbanding dengan guru-guru yang mengajar di sekolah harian biasa. Sebagai contohnya masa mengajar peserta kajian ini ialah sebanyak 18 masa seminggu.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dan penutup bab ini, penyelidik mendapati bahawa dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian iaitu bagaimana guru

mengamalkan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di dalam bilik darjah dalam konteks kajian ini.

Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi, penyelidik mendapati terdapat unsur-unsur pentaksiran yang berterusan, bersama proses pengajaran guru (*ongoing*) dan bertujuan membantu pembelajaran pelajar dengan lebih berkesan (*assessment for better learning*).

Walau bagaimanapun terdapat cabaran dan masalah yang sedikit sebanyak memberi tekanan kepada guru dan pelajar dalam mengikuti pembelajaran yang lebih baik seperti tuntutan menamatkan sukatan, penetapan piawai kelulusan pelajar yang tinggi dan keperluan mengadakan kelas tambahan yang banyak demi mencapai target kecemerlangan yang ditetapkan.

Dalam masa yang sama sekolah ini pula mempunyai beberapa kelebihan daripada sudut pelajar-pelajar yang cemerlang, pintar dan terpilih, kemudahan prasarana sekolah yang baik, jumlah pelajar yang tidak ramai, bilangan guru yang mencukupi dan terlatih, masalah disiplin dan tidak minat belajar yang amat minimum serta merupakan sebuah sekolah berasrama penuh yang terkawal. Faktor-faktor ini sedikit sebanyak dapat mengatasi beberapa tekanan yang wujud terhadap guru dan pelajarnya.